



Ketua Pengarah MIROS, Dr Khairil Anwar Abu Kassim (kiri) dan Naib Canselor Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Dr Hari Narayanan P Ondiveeran (kanan) selepas menandatangani MoU disaksikan Pengerusi MIROS, Datuk Suret Singh (dua kanan). - Foto ihsan MIROS

MIROS, 13 rakan strategik meterai MoU



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Share Tweet

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan 13 rakan strategik membabitkan sektor awam dan swasta dalam meningkatkan usaha keselamatan jalan raya di Malaysia, Indonesia dan India.



Disyorkan

- Tiada pe
- COVID-19 dihapus UK
- Cadang bertindas Sungai E
- Luqman
- Abu Bak

Perjanjian itu dimeterai MIROS dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Universiti Teknologi dan Inovasi Asia Pasifik (APU).

MIROS turut memeterai MoU dengan 3M Malaysia Sdn Bhd, IMU Education Sdn Bhd, Incision Malaysia, DriveMark Sdn Bhd, Kerjasama Keselamatan Jalan Indonesia, Agensi Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Institut Pengangkutan dan Logistik TRISAKTI dan Institut Pendidikan Trafik Jalan, India.

Ketua Pengarah MIROS, Dr Khairil Anwar Abu Kassim, berkata kerjasama itu adalah satu sinergi terbaik dalam merapatkan jurang penyelidikan dan pembangunan dalam bidang keselamatan jalan raya di antara sektor awam dan swasta.

"Ia adalah pembangunan penyelesaian melalui projek penyelidikan dan program bagi menangani isu keselamatan jalan raya terutama yang membabitkan keselamatan pengguna motosikal dan kenderaan persendirian di Malaysia dan rantau ini.

"Peningkatan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia adalah antara agenda utama MIROS yang aktif menjalankan kajian ke atas isu keselamatan jalan raya sejak penubuhan pada 2007.

"Justeru, selaras dengan usaha bagi meningkatkan lagi usaha itu melalui sektor awam dan swasta, MIROS memeterai MoU dengan 13 rakan strategik keselamatan jalan raya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Pada majlis memeterai MoU itu, MIROS menyerahkan Sijil Pengiktirafan Lebuhraya Berprestasi Baik 2020 (MyExpressway Recognition Award) kepada PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (LITRAK).

Ia adalah pengiktirafan MIROS terhadap lebuhraya berprestasi baik di Malaysia yang mempunyai potensi tinggi mengurangkan kadar kemalangan maut dan kecederaan parah berdasarkan indeks kematian rendah serta reka bentuk persekitaran dan operasi trafik yang optimum dari aspek keselamatan jalan raya.

Khairil Anwar berkata, dengan memberikan kedudukan ini kepada lebuhraya, pengguna akan lebih peka terhadap risiko keselamatan mereka ketika melalui lebuhraya.

Beliau berkata, ketetapan kedudukan ini juga diharap dapat mewujudkan persaingan sihat di kalangan konsesi lebuhraya untuk memperbaiki mutu jalan raya di bawah seliaan mereka dari semasa ke semasa.

"Selain itu, MIROS juga menyerahkan Anugerah Daya Maju Industri Latihan Pemanduan (ILP) kepada PSM Group of Companies Academy (M) Berhad iaitu penghargaan kepada mana-mana ILP yang menunjukkan komitmen tinggi dalam meningkatkan kualiti serta penyampaian, yang berkait terus dengan usaha Malaysia dalam meningkatkan taraf keselamatan jalan raya," katanya.